



BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA

7
NEGERI

32
DAERAH

200
PPS AKTIF

11,271
KELUARGA

33,830
MANGSA

2
KEMATIAN

* Data sehingga 27 November 2025 jam 12.00 tengah malam & data kematian adalah kumulatif sejak 13 November 2025

PPS: Pusat Pemindahan Sementara

PERLIS	
Daerah	: 1
PPS Aktif	: 20
Keluarga	: 2,131
Mangsa	: 6,861

KEDAH	
Daerah	: 3
PPS Aktif	: 18
Keluarga	: 1,468
Mangsa	: 4,321


KELANTAN	
Daerah	: 9
PPS Aktif	: 65
Keluarga	: 4,189
Mangsa	: 11,140

TERENGGANU	
Daerah	: 6
PPS Aktif	: 38
Keluarga	: 1,156
Mangsa	: 3,848

PAHANG	
Daerah	: 1
PPS Aktif	: 1
Keluarga	: 8
Mangsa	: 19

PERAK	
Daerah	: 8
PPS Aktif	: 44
Keluarga	: 1,676
Mangsa	: 5,200

SELANGOR	
Daerah	: 4
PPS Aktif	: 14
Keluarga	: 643
Mangsa	: 2,441



PETUNJUK

□ Sempadan Negeri

INDIKATOR MANGSA (ORANG)

■ 1 – 1,000

■ 1,001 – 5,000

■ Melebihi 5,000



PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JENIS BENCANA	DAERAH	PPS AKTIF	KELUARGA	MANGSA	TREND
Kelantan	Banjir 🏠	Tumpat	13	1,808	4,611	Menurun
		Kota Bharu	16	940	2,479	Menurun
		Bachok	8	733	2,055	Menurun
		Machang	6	308	806	Meningkat
		Tanah Merah	10	155	434	Meningkat
		Kuala Krai	6	121	365	Meningkat
		Pasir Puteh	1	51	167	Tidak Berubah
		Gua Musang	3	41	153	Meningkat
		Pasir Mas	2	32	70	Meningkat
		JUMLAH			65	4,189
Perlis	Banjir 🏠	Perlis	20	2,131	6,861	Meningkat
		JUMLAH			20	2,131
Perak	Banjir 🏠	Manjung	16	638	2,087	Meningkat
		Perak Tengah	10	370	1,107	Meningkat
		Hilir Perak	7	285	897	Menurun
		Bagan Datuk	4	263	768	Menurun
		Larut, Matang dan Selama	3	55	168	Menurun
		Muallim	2	25	96	Tidak Berubah
		Kuala Kangsar	1	39	74	Meningkat
		Batang Padang	1	1	3	Tidak Berubah
		JUMLAH			44	1,676
Kedah	Banjir 🏠	Kubang Pasu	13	907	2,467	Meningkat
		Kota Setar	4	502	1,669	Meningkat
		Pokok Sena	1	59	185	Meningkat
		JUMLAH			18	1,468
Terengganu	Banjir 🏠	Marang	8	563	1,844	Meningkat
		Setiu	17	418	1,424	Meningkat
		Besut	6	61	216	Meningkat
		Hulu Terengganu	3	32	159	Meningkat
		Kuala Terengganu	1	62	108	Menurun
		Dungun	3	20	97	Meningkat
		JUMLAH			38	1,156
Selangor	Banjir 🏠	Kuala Selangor	8	552	2,151	Menurun
		Sabak Bernam	3	76	234	Menurun
		Klang	2	10	34	Menurun
		Hulu Selangor	1	5	22	Meningkat
		JUMLAH			14	643
Pahang	Banjir 🏠	Lipis	1	8	19	Tidak Berubah
		JUMLAH			1	8
JUMLAH KESELURUHAN			200	11,271	33,830	Meningkat

* Trend: Perbandingan dengan data 26 November 2025 jam 8.00 malam



SITUASI TERKINI

- Sehingga **27 November 2025, jam 12.00 tengah malam**, terdapat **32 daerah di tujuh negeri** yang dilanda bencana dengan **peningkatan** jumlah mangsa kepada **33,830 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **23,508 mangsa** pada **26 November 2025**). Ia melibatkan **11,271 keluarga** yang ditempatkan di **200 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **meningkat** berbanding **132 PPS** pada **26 November 2025**.
- **Negeri Perlis (6,861 mangsa)** dan dua daerah paling teruk terjejas iaitu **Tumpat, Kelantan (4,611 mangsa)** dan **Kota Bharu, Kelantan (2,479 mangsa)**.
- Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), **dua kematian** telah direkodkan setakat ini yang melibatkan kematian akibat kejadian banjir iaitu **satu di Gua Musang, Kelantan pada 21 November 2025** dan **satu di Tanah Merah, Kelantan pada 26 November 2025**.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- **Tiga (3) stesen meteorologi** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **26 November 2025** adalah **Kuala Terengganu, Terengganu (331.5 mm)**, **Dungun, Terengganu (220.8 mm)** dan **Setiu, Terengganu (158.9 mm)**.
- Ribut tropika dikesan berada pada Latitud 3.7° Utara dan Longitud 98.6° Timur, dijangka bergerak ke arah Timur Tenggara dengan kelajuan 7 km/j dan boleh mencapai kelajuan angin maksimum sehingga 65 km/j. Keadaan ini boleh menyebabkan hujan lebat berterusan, angin kencang dan laut bergelora di Semenanjung Malaysia.
- Luruan monsun dijangka berterusan sehingga 27 November 2025. Rantau Semenanjung Malaysia dijangka terus lembap sepanjang tempoh tersebut.
- Sehubungan itu, MET Malaysia telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan (Bahaya, Buruk dan Waspada) melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor berkuat kuasa sehingga 29 November 2025 serta Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora sehingga 29 November 2025.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

- Pada 26 November 2025, **dua Amaran Banjir** telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang melibatkan negeri **Kelantan dan Terengganu**.

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



IMPAK

- Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) melaporkan bahawa kebanyakan daerah yang terjejas banjir di Kelantan, Perlis, Perak, Kedah, dan Selangor tidak merekodkan kawasan berisiko tanah runtuh di lokasi *hotspot* atau cerun kritikal. Namun beberapa kawasan berisiko dikenal pasti iaitu Tanah Merah serta Jalan Lojing-Gua Musang (Gua Musang) di Kelantan; Marang, Jalan Aring-Kenyir-Kuala Berang (Hulu Terengganu), dan Dungun di Terengganu; serta dua (2) lokasi di Hulu Selangor, Selangor iaitu Apartment Teratai Bukit Beruntung dan Pangsapuri Sri Cempaka, Serendah. Di Pahang, satu (1) kawasan berisiko turut dikenal pasti iaitu Kuala Lipis.
- Bagi kejadian tanah runtuh di daerah terjejas banjir, tiada insiden baharu dilaporkan di semua negeri terlibat termasuk Kelantan, Perlis, Perak, Kedah, Terengganu, Selangor dan Pahang.
- Berdasarkan rekod JMG, satu (1) kejadian tanah runtuh telah dilaporkan di Pahang pada 26 November 2025 melibatkan lokasi Taman Aster, Cameron Highlands, dengan tarikh kejadian pada 24 November 2025. Kerja-kerja pemasangan kanvas di lokasi yang terlibat telah dilaksanakan dan pemantauan berterusan sedang dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Jumlah kumulatif tanah runtuh yang berlaku di seluruh negara sejak bermula MTL adalah sebanyak enam (6) kejadian iaitu
 - (1) Taman United, Jalan Sepadu 7, Seputeh, Kuala Lumpur
 - (2) Blok D, Flat Sri Lampah, Kuala Lumpur
 - (3) Kampung Orang Asli Bukit Lagong, Gombak, Selangor
 - (4) Lorong Setia 3, Kampung Setia, Gombak, Selangor
 - (5) Jalan Banglo, Batu Arang, Gombak, Selangor
 - (6) Taman Aster, Cameron Highlands, Pahang
- Pelaporan JMG tidak merangkumi laluan jalan negeri, persekutuan dan lebuh raya.

Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)



- Jabatan Kerja Raya (JKR) telah merekodkan 117 lokasi kejadian bencana yang menjejaskan infrastruktur jalan raya sehingga jam 10.00 malam, 26 November 2025. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 49 lokasi melibatkan Jalan Persekutuan manakala 68 lokasi menjejaskan Jalan Negeri. Kejadian ini berlaku di lapan (8) negeri dengan Negeri Perlis merekodkan insiden tertinggi (37 lokasi), diikuti oleh Kedah (19 lokasi), Perak (16 lokasi), Kelantan (16 lokasi), Selangor (13 lokasi), Terengganu (8 lokasi), Pulau Pinang (7 lokasi) dan Johor (1 lokasi).
- Jenis kejadian bencana yang paling dominan adalah banjir (52 lokasi) dan banjir kilat (39 lokasi). Selain itu, melibatkan cerun runtuh (13 lokasi), jalan runtuh (6 lokasi), jalan mendap (6 lokasi) dan satu lokasi jambatan rosak atau runtuh. JKR sedang menjalankan pemantauan dan tindakan pemulihan segera untuk memastikan keselamatan dan kebolehcapaian jalan raya.

Sumber : Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaporkan sebanyak 87 institusi pendidikan terjejas akibat banjir di beberapa negeri. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Perak (26 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Kelantan (14 sekolah rendah, 2 sekolah menengah, 1 Kolej Vokasional dan 1 Permata), Perlis (8 sekolah rendah, 2 sekolah menengah, 1 Permata), Kedah (8 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Selangor (2 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Sabah (3 sekolah rendah), Sarawak (1 sekolah rendah), Terengganu (13 sekolah rendah, 1 sekolah menengah) dan Pulau Pinang (1 sekolah rendah).
- Selain itu, sebanyak 128 PPS premis sekolah telah dibuka bagi menempatkan mangsa banjir. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Kelantan (46 sekolah rendah, 4 sekolah menengah, 1 Institut Pendidikan Guru (IPG), diikuti Perak (26 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Terengganu (16 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Perlis (11 sekolah rendah), Selangor (10 sekolah rendah, 1 sekolah menengah) dan Kedah (10 sekolah rendah, 1 sekolah menengah).
- Secara keseluruhan, seramai 2,343 murid, 207 guru/Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) dan 612 pegawai terlibat. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Kelantan (1,489 orang), Perak (486 orang), Perlis (336 orang), Selangor (330 orang), Terengganu (274 orang) dan Kedah (247 orang).

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan sebanyak 30 fasiliti kesihatan terjejas akibat banjir yang melibatkan 10 fasiliti di Perak, sembilan (9) di Perlis, lapan (8) di Kelantan, dua (2) di Terengganu dan satu (1) di Pahang. Daripada jumlah tersebut, 14 adalah Klinik Desa (KD), 10 Klinik Kesihatan (KK) dan enam (6) Klinik Pergigian.
- Sebanyak 18 fasiliti kesihatan tidak beroperasi sepenuhnya dan telah memindahkan perkhidmatan ke fasiliti kesihatan terdekat yang tidak terjejas, manakala 12 fasiliti masih beroperasi seperti biasa. Pemindahan operasi melibatkan sembilan (9) fasiliti di Perlis, lima (5) di Perak, tiga (3) di Kelantan dan satu (1) di Pahang. Manakala fasiliti yang masih beroperasi seperti biasa adalah lima (5) di Kelantan, lima (5) di Perak dan dua (2) di Terengganu.
- Perkhidmatan dari fasiliti yang terjejas telah dialihkan ke fasiliti kesihatan berhampiran yang tidak terjejas bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kepada penduduk yang terlibat.
- Sebanyak 283 Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) telah digerakkan, terdiri daripada 153 *Rapid Response Team* (RRT) Kesihatan dan 130 RRT Perubatan. Pasukan ini ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) bagi menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan pencegahan penyakit kepada mangsa banjir. Tiada maklumat wabak penyakit dilaporkan setakat ini.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaporkan sebanyak lima belas (15) infrastruktur komunikasi terkesan akibat banjir di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sembilan (9) masih tidak beroperasi melibatkan satu (1) infrastruktur fiber di Wang Kelian, Padang Besar, Perlis akibat kejadian tanah runtuh; satu (1) stesen pemancar di Perlis; dua (2) stesen pemancar di Selangor; dan lima (5) stesen pemancar di Perak.
- Bagi memastikan kelangsungan komunikasi di kawasan terjejas, sebanyak sembilan (9) PPS telah dipasang Inisiatif WiFi percuma oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi iaitu:
 - (1) CelcomDigi : PPS SK Tapang, Kota Bharu, Kelantan
 - (2) YTL : PPS SK Pauh Sembilan, Bachok, Kelantan
 - (3) Maxis : PPS Kubang Batang, Tumpat, Kelantan
 - (4) CelcomDigi : PPS SK Chicha Menyabong, Kota Bharu, Kelantan
 - (5) CelcomDigi : PPS SK Seribong, Kota Bharu, Kelantan



- (6) CelcomDigi : PPS SK Seri Chempaka, Kota Bharu, Kelantan
- (7) CelcomDigi : PPS SK Islah, Kota Bharu, Kelantan
- (8) TM : PPS SK Pa'Pura, Bachok, Kelantan
- (9) TM : PPS SK Pengkalan Chengal, Bachok, Kelantan

- SKMM bersama penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan terus memantau tahap liputan melalui JPBD/JPBN bagi memastikan sebarang gangguan perkhidmatan atau kesesakan talian di PPS dapat ditangani dengan segera.

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

- Tenaga Nasional Berhad (TNB) melaporkan beberapa kawasan di Perak dan Perlis mengalami pemutusan bekalan elektrik sebagai langkah keselamatan akibat banjir. Di Perak, kawasan terjejas di Manjung ialah Taman Lekir Bestari, Taman Seri Lekir, Taman Lekir Aman dan Kg Tersusun Batu 7 Lekir, manakala di Teluk Intan melibatkan Kilang Perabot, Hospital Medicare, Felcra Sungai Sungkai Mati, Kg Gloucester Batu 6, Kilang Sawit Sime Darby Batu 6 dan Ladang Golden Hope Batu 4. Di Perlis pula, kawasan terlibat termasuk Masfloor, Fermpro, Rumah Pam Arau, Taman Seri Pulai, Taman Bakau Jaya, Tok Kuning dan KWSP..
- Tiada PPS dilaporkan terjejas bekalan elektrik. TNB telah menempatkan genset di kawasan strategik dan memasang genset di kawasan selamat bagi memastikan kesinambungan bekalan tenaga kepada premis penting serta operasi respons banjir.

Sumber : Tenaga Nasional Berhad (TNB)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- Pada 25 November 2025, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah mengeluarkan kenyataan media menyeru kepada semua pihak yang ingin memberikan sumbangan dan bantuan sepanjang musim MTL ini supaya berhubung dengan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Negeri atau Daerah yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat keperluan mangsa bencana dan lokasi yang sebenar sebelum mengatur pergerakan penyampaian sumbangan.

- Tindakan ini adalah bagi memastikan semua sumbangan yang diterima bersesuaian dengan keperluan di lapangan dan jumlah kuantiti yang mencukupi. Hal ini bagi mengelakkan berlaku lambakan serta pembaziran sumber yang akhirnya akan merugikan tenaga kerja serta berlaku kerosakan atau pertindihan barang bantuan.
- NADMA dan seluruh jentera Kerajaan amat berterima kasih dan menghargai perhatian semua pihak dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana. Walau bagaimanapun, semua bentuk sumbangan yang diterima perlu diselaraskan terlebih dahulu di peringkat sekretariat sebelum diedarkan ke kawasan-kawasan terjejas banjir.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan bantuan makanan kepada mangsa banjir di PPS mengikut keperluan setempat. Di Kelantan, makanan disediakan melalui gotong-royong bermasak, manakala di negeri-negeri lain, makanan diagihkan dalam bentuk *pack food*. Selain itu, pelbagai bantuan lain turut diberikan termasuk keperluan asas, keperluan tambahan serta *retort* pemulaan bagi memastikan mangsa menerima bantuan dalam tempoh 24 jam pertama.
- Bagi memastikan kelancaran pengurusan bekalan, stok makanan ditempatkan di Depoh Barang Keperluan Bencana, stor negeri dan daerah, mini kontena serta pangkalan hadapan khususnya di kawasan yang terputus hubungan. Selain itu, JKM turut menambah stok di stor daerah sebagai langkah menambah baik keperluan di PPS. Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan mangsa sentiasa terjamin sepanjang tempoh penempatan di PPS.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 1**.



MAKLUMAT PERGERAKAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

- Bermula Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November 2025, sebanyak 77 pelaporan pergerakan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah direkodkan. Aktiviti ini melibatkan pengagihan bantuan seperti makanan dan minuman, kit kebersihan, keperluan tidur, bantuan logistik, pasukan perubatan, serta khidmat kaunseling kepada mangsa banjir di negeri-negeri yang terjejas teruk. Sehingga kini, seramai 482 sukarelawan telah digerakkan bagi membantu pengagihan bantuan tersebut.



JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	KELANTAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	250	4x4/SUV/VAN: 20 AMBULANS/EMRS: 2, BOT: 12, LORI/FRT/LFRT: 3
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	105	4x4/SUV/VAN: 8, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 1
		PASUKAN Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)	10	4x4/SUV/VAN: 2, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	1,506	4x4/SUV/VAN: 62, BOT: 103, LORI/FRT/LFRT:40, MOTOKAR: 10
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	31	4x4/SUV/VAN: 7, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 11
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	142	-
2.	PERLIS	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	105	4x4/SUV/VAN: 7, BOT: 7, LORI/FRT/LFRT: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	20	4x4/SUV/VAN: 1, LORI/FRT/LFRT: 4
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	213	4x4/SUV/VAN: 26, BOT: 5, LORI/FRT/LFRT: 10, MOTOKAR: 17, LAIN-LAIN: 12
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	50	4x4/SUV/VAN: 5, AMBULANS/EMRS: 3, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 5
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	58	-
3.	PERAK	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	110	4x4/SUV/VAN: 5, BOT: 10, LORI/FRT/LFRT: 5
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	31	4x4/SUV/VAN: 8
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	158	4x4/SUV/VAN: 13, BOT: 8, LORI/FRT/LFRT: 4
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	60	4x4/SUV/VAN: 7, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 6
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	116	-



LAPORAN SITUASI SEMASA MTL 2025/2026 #05

AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

27 NOVEMBER 2025

7

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
4.	KEDAH	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	80	4x4/SUV/VAN: 6, BOT:9, LORI/FRT/LFRT: 4
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	23	4x4/SUV/VAN: 3, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	105	4x4/SUV/VAN: 12, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 4, MOTOKAR: 5, LIFE JACKET: 408
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	14	4x4/SUV/VAN: 1, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 2
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	32	-
5.	TERENGGANU	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	98	4x4/SUV/VAN: 11, BOT: 6, LORI/FRT/LFRT: 3
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	93	4x4/SUV/VAN: 6, BOT: 3, LORI/FRT/LFRT: 3
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	104	4x4/SUV/VAN: 18, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 3, MOTOKAR: 3
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	172	4x4/SUV/VAN: 23, AMBULANS/EMRS: 2, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 16
6.	SELANGOR	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	212	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 5
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	32	4x4/SUV/VAN: 7
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	196	4x4/SUV/VAN: 6, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 1, MOTOKAR: 3
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	32	4x4/SUV/VAN: 2, AMBULANS/EMRS: 1, LORI/FRT/LFRT: 6
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	106	-
7.	PAHANG	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	7	4x4/SUV/VAN: 2
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	6	4x4/SUV/VAN: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	13	4x4/SUV/VAN: 2, MOTOKAR: 2
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	4	-
JUMLAH KESELURUHAN			4,066	<ul style="list-style-type: none">• 4X4/SUV/VAN: 275• AMBULANS/EMRS: 10• BOT: 201• LORI/ FRT/LFRT: 140• MOTOKAR: 40• LAIN-LAIN: 420

* Data sehingga 27 November 2025 jam 12.00 tengah malam. Untuk daerah-daerah yang terlibat dengan banjir sahaja.

Sumber: APM, ATM, SMART, PDRM, JPBM & RELA